




JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Be Inspired 2

Your Aspirations Are Your Possibilities



Beliau telah dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bidang kimpalan dan turut dianugerahkan persijilan profesional WQT 6G SMAW, WQT 6GR SMAW dan WQT 6G GTAW Program Kerjasama TM-Petronas pada tahun 2013 di ILP Mersing. Beliau memulakan kerjaya sebagai Assistant Welding Instructor di TWI Training & Examination Service Worldwide di Sungai Buloh sebelum menyertai Serimax Welding & Services Sdn. Bhd, sebuah syarikat perkhidmatankimpalan bermula pada November 2013. Muhammad Aslam kini telah diiktiraf sebagai Welding Specialist di syarikat tersebut dan kepakarannya sering digunakan untuk pelbagai projek berasaskan minyak dan gas berskala besar di seluruh dunia. Sempena Majlis Pelancaran TVET Malaysia pada 27 September 2017, beliau telah diberi penghargaan sebagai Ikon TVET yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.



Profil Ikon

MUHAMMAD ASLAM BIN LAN

WELDING SPECIALIST

SERIMAX WELDING SERVICE SDN. BHD.

ILP Mersing (2013)

TEKNOLOGI KIMPALAN

> RM10,000

Profil Ikon

FAIZAL BIN YAAKOB

PENGARAH URUSAN

FAIZAL MOTOR WORKS

ILP Kota Bharu (2003)

TEKNOLOGI AUTOMOTIF

> RM10,000

“Gagal sekali tidak bermakna gagal buat selamanya”. Kata-kata ini menjadi perangsang kepada seorang pemuda berasal dari Ketereh, Kelantan untuk menempa kejayaan di dalam perniagaan berasaskan automotif. Kemahiran di dalam bidang automotif yang diperolehi di ILP Kota Bharu menjadi batu loncatan untuk beliau terus mendalami pelbagai ilmu dan teknologi terkoni bidang automotif. Hasilnya, beliau telah mendapat pelbagai pengiktirafan seperti Certified Maintenance Technician (CMT), Certified System Technician (CST), dan Certified Hybrid High Voltage (CHV) dari pihak Mercedes Benz. Memulakan perniagaan membaiki kereta secara kecil-kecilan di rumah, beliau kini harus berbangga kerana berjaya menubuhkan Faizal Motor Works, sebuah syarikat membaiki kenderaan yang memberi focus kepada kenderaan berprestasi tinggi seperti Mercedes, BMW, Range Rover dan Bentley. Sempena Majlis Pelancaran TVET Malaysia pada 27 September 2017, beliau telah diberi penghargaan sebagai Ikon TVET yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.





Hasrul bin Abu Hassan telah berjaya memperolehi Diploma Kemahiran Malaysia di dalam bidang kimpalan di ADTEC Shah Alam pada tahun 2006. Kerjaya beliau bermula sebagai QC Inspector di Muhibbah Steel Industries sebelum menyertai Velosi (M) Sdn. Bhd sebagai Welding Inspector. Bermula tahun 2008, beliau telah mula berkhidmat di Petronas Carigali Sdn. Bhd dan diberi kepercayaan oleh majikannya untuk terlibat di dalam pelbagai projek berskala besar. Hasil komitmen dan kemahiran yang beliau miliki, beliau kini telah dilantik sebagai Executive of Client Site Representative Pipeline di Petronas Carigali Sdn. Bhd yang berpangkalan di Kota Kinabalu, Sabah. Sempena Majlis Pelancaran TVET Malaysia pada 27 September 2017, beliau telah diberi penghargaan sebagai Ikon TVET yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Profil Ikon

HASRUL BIN ABU HASSAN

**Exe. Of Client Site Representative
(pipeline)**

PETRONAS CARIGALI SDN. BHD.

ADTEC Shah Alam (2006)

TEKNOLOGI KIMPALAN

> RM10,000



Profil Ikon

MOHD ZULKARNAIN BIN SUDIN

Pengarah Urusan

ZUL FURNITURE ENTERPRISE

ILP Kota Bharu (2012)

**TEKNOLOGI PENGELUARAN DAN
REKABENTUK PERABOT**

> RM10,000

Kehidupan di perkampungan nelayan banyak mengajar pemuda ini tentang erti kehidupan. Anak jati daripada Kampung Tujuh, Tumpat, Kelantan ingin mengubah episod kehidupan keluarga dengan meletakkan cita-cita sebagai seorang usahawan yang berjaya pada satu masa nanti. Mendaftar di Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu pada sesi 2/2010 dalam kursus Teknologi Rekabentuk & Pengeluaran Perabot, Pengarah Urusan Zul Furniture Enterprise bertekad untuk menjadikan bidang ini sebagai sumber pendapatan dan mengubah nasib keluarga. Beliau telah berjaya memenangi beberapa siri pertandingan kemahiran di dalam dan juga di luar negara seperti Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM), Asean Skills Competition (ASC) telah mewakili Malaysia di World Skill Competition di Leipzig, Jerman pada tahun 2013.





Berbekalkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang Teknologi Pemesinan Computer Numerical Control (CNC) di ILP Kota Samarahan, Michael Likik anak Engong mula menerokai alam pekerjaan sebagai Machinist dan kemudian dinaikkan pangkat ke Assistant QC Inspector di Syarikat Frontken (East Malaysia) Sdn. Bhd. pada tahun 2004 sehingga 2010. Bermula Januari 2011 dan sehingga ke saat ini, beliau bertekad meninggalkan Bumi Kenyalang untuk menyertai syarikat-syarikat besar bertaraf antarabangsa dalam sektor minyak dan gas di luar negara. Beliau kini berkhidmat di syarikat Heerema Marine Contractor (HMC) bermula Mac 2017 dan ditawarkan jawatan yang lebih tinggi dengan gaji yang cukup lumayan sebagai Mechanic 2 / Machinist di kapal SSCV HERMOD.

Profil Ikon

MICHAEL LIKIK ANAK ENGONG


SENIOR MACHINIST

**HEEREMA MARINE CONTRACTORS
NEDERLANDS, NETHERLANDS.**

ILP Kota Samarahan (2004)

TEKNOLOGI PEMESINAN CNC

> RM10,000



Profil Ikon

HAIRULNIZAM BIN MD BAMUCHI

**WORKSHOP LEAD LICENSE
TECHNICIAN**

EMIRATES AIRLINES, DUBAI

ILP Kuala Lumpur (1997)

TEKNOLOGI PEMESINAN LOGAM

> RM10,000

Berbekalkan kemahiran di dalam bidang pemesinan logam yang diperolehi di ILP Kuala Lumpur, Hazrulnizam memulakan kerjaya sebagai juruteknik di Tateyama Auto Machine, Shah Alam. Minat yang mendalam di dalam industri penyelenggaraan dan baik pulih kapal terbang mendorong beliau untuk menyertai Malaysia Airlines System sebagai Workshop Foreman. Peluang yang terbentang luas sepanjang berkhidmat bersama MAS dimanfaatkan sepenuhnya oleh beliau dengan mengambil beberapa lesen profesional yang diiktiraf oleh badan penerbangan antarabangsa. Hasil daripada kesungguhan dan kemahiran yang dimiliki, beliau telah diterima untuk berkhidmat dengan Emirates Airlines yang berpangkalan di Dubai sebagai Workshop License Engine Technician.





Mohamad Najmuddin Abdul Rahman merupakan graduan Diploma Teknologi Kejuruteraan Komputer lepasan JMTI pada tahun 2004. Kemahiran yang diperolehi sepanjang menuntut di JMTI dimanfaatkan sepenuhnya oleh beliau apabila berjaya menjawat pelbagai jawatan teknikal di syarikat-syarikat besar seperti Aptilo Networks, Hewlett Packard Malaysia, Thinksoft Solution, dan HPE Malaysia. Dedikasi beliau sering mendapat perhatian pihak majikan apabila pernah diberi penghargaan dan pengiktirafan oleh pihak Cathay Pacific Airways dan Hewlett Packard di atas sumbangan besar beliau di dalam meningkatkan prestasi dan kualiti perkhimatan syarikat. Berbekalkan pengalaman yang diperolehi, beliau kini diberi kepercayaan untuk berkhidmat sebagai Leader for Asiahub Situation Management di DXC Technology.

Profil Ikon

MOHAMMAD NAJMUDDIN BIN ABD RAHMAN

ASIAHUB SITUATION MANAGEMENT LEADER

DCX TECHNOLOGY

JMTI (2004)

TEKNOLOGI KOMPUTER

> RM9,000



Profil Ikon

ALLAN CHONG YUEN LOONG

FIELD OPERATOR


**WELLTEC OILFIELD SERVICES
SDN. BHD**

ILP Labuan (2003)

TEKNOLOGI MEKANIK INDUSTRI

> RM10,000

Allan Chong Yuen Loong, anak kelahiran Wilayah Persekutuan Labuan ini mula menjalani latihan di dalam bidang Teknologi Mekanik Industri di ILP Labuan pada tahun 2010. Beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dan sering menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang berada di ILP Labuan. Sebaik menamatkan pengajian, beliau terus memulakan kerjaya sebagai seorang Workshop Assistant di Welltec Oilfield (M) Services Sdn. Bhd yang merupakan sebuah syarikat perkhidmatan operasi minyak dan gas antarabangsa. Hasil komitmen dan kesungguhannya, beliau telah diberi kepercayaan oleh pihak syarikat untuk dilantik sebagai Field Operator bermula pada September 2012 dengan dengan pendapatan yang lumayan sehingga sekarang.





Memulakan pengajian di ILP Pedas di dalam bidang Teknologi Kimpalan, Yap Chee Chiang meneruskan misi menambah ilmu dan kemahirannya dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma di ADTEC Shah Alam sehingga tahun 2012. Sebaik menamatkan pengajian, beliau terus diterima untuk berkhidmat di SapuraKencana Petroleum sebagai Pelatih Jurutera Kimpalan. Ketika itu, beliau temui peluang untuk melanjutkan pelajaran jarak jauh ke peringkat Degree. Kini beliau berkhidmat di syarikat Oceanmight Sdn. Bhd, sebuah syarikat pembinaan fasiliti industry minyak dan gas. Sebagai seorang jurutera fabrikasi, beliau bertanggungjawab di dalam memastikan segala projek yang dilakukan adalah menepati spesifikasi dan standard kualiti yang ditetapkan.

Profil Ikon

YAP CHEE CHIANG

FABRICATION ENGINEER

OCEANMIGHT SDN. BHD.

**ILP Pedas (2009)
ADTEC Shah Alam (2012)**

TEKNOLOGI KIMPALAN

> RM6,000

Profil Ikon

CHE WAN AZMINUDDIN BIN CHE WAN AHMAD

Blasting, Painting & Insulation Inspector

ROTARY MEC (M) SDN. BHD.

ILP Mersing (2014)

TEKNOLOGI KIMPALAN

> RM10,000

Che Wan Azminuddin Bin Che Wan Ahmad berasal dari Terengganu mula menjalani latihan di dalam bidang Teknologi Kimpalan di ILP mersing pada tahun 2012 dan berjaya menamatkan latihan pada tahun 2014. Kemahiran dan ilmu yang diperolehi sepanjang bergelar pelajar di ILP Mersing menjadi titik perubahan kepada dirinya untuk menjadi seorang pekerja mahir. Kini, beliau berkhidmat sebagai Blasting, Painting & Insulation Inspector di Rotary Mec (M) Sdn Bhd, Petaling Jaya, Selangor dengan dengan pendapatan yang lumayan disebabkan kemahiran yang beliau miliki.



Profil Ikon

**MOHAMAD KHALIS
BIN MOHAMAD LAZI**

Welding Inspector

**DIALOG PLANT SERVICES
SDN. BHD.**

**ILP Pedas (2006)
ADTEC Shah Alam (2008)**

TEKNOLOGI KIMPALAN

> RM7,000

Berbekalkan SKM 2 dari ILP Pedas dan DKM dari ADTEC Shah Alam di dalam bidang kimpalan, Mohamad Khalis terus giat melengkapkan diri dengan pelbagai persijilan profesional seperti **CSWIP 3.0 Visual Welding Inspector** dan **CSWIP 3.1 Welding Inspector**. Kemahiran yang dimiliki digunakan sepenuhnya oleh beliau untuk menceburi kerjaya di dalam bidang minyak dan gas di dalam pelbagai syarikat besar seperti Sime Darby Engineering Sdn. Bhd, Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn. Bhd, dan Muhibbah Engineering Berhad. Beliau banyak melibatkan diri di dalam projek berskala besar seperti pembinaan FPSO Chendor, FSO Bergading dan projek Terengganu Gas Terminal (TGAST). Mohamad Khalis kini berkhidmat dengan DIALOG Plant and Services Sdn. Bhd sebagai Piping Inspector dan terlibat dengan projek pembangunan RAPID Penggerang di Johor.



Profil Ikon

**AHMAD SHARIF BIN
ABDUL RAHMAN**

Welding Inspector

ISHI POWER SDN. BHD.

ILP Ipoh (2007)

TEKNOLOGI KIMPALAN

> RM10,000

Ahmad Sharif bin Abdul Rahman merupakan graduan bidang Fabrikasi Logam yang berjaya menamatkan latihan di ILP Ipoh pada tahun 2002. Beliau gigih menimba pelbagai pengalaman sebaik menamatkan latihan dengan memulakan kerjaya sebagai juruteknik di STS Sdn. Bhd. Kemajuan kerjaya beliau diteruskan apabila berjaya menjawat pelbagai jawatan berkaitan fabrikasi logam seperti QC Inspector di Mechanical Welding Engineering Sdn. Bhd, Senior Inspector di Sapura Kencana Petroleum Sdn. Bhd, dan General Inspector di Petronas Carigali Sdn. Bhd. Hasil daripada pelbagai kemahiran dan pengalaman yang diperolehi, beliau kini sedang berkhidmat sebagai Welding Inspector di Ishi Power Sdn. Bhd dengan pendapatan bulanan yang lumayan.





Minat mendalam terhadap keusahawanan mendorong Mohamad Haziq untuk menubuhkan MHT Design, sebuah syarikat yang terlibat di dalam perniagaan percetakan & pengiklanan, tempahan t-shirt dan cenderamata berpusat di Kuantan, Pahang. Pengalaman dan kemahiran yang diperolehi sepanjang mengikuti kursus Teknologi Percetakan (Pra-cetak) di ILP Kuala Lumpur dimanfaatkan sepenuhnya oleh beliau di dalam menjalankan operasi syarikatnya. Kekemasan dan kualiti hasil kerja MHT Design menjadi tarikan utama warga Kuantan khususnya untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh beliau.

Profil Ikon

MOHAMAD HAZIQ BIN MOHAMAD TAMIZI

Pengarah Urusan

MHT DESIGN

ILP Kuala Lumpur (2009)

TEKNOLOGI PERCETAKAN (PRA-CETAK)

> RM6,000



Profil Ikon

MUHAMMAD FUHADA BIN
MOHAMAD NASIR


Survey Engineer

ZENITH OREON GEOSURVEY
SDN. BHD.

ILP Pedas (2006)
ADTEC Melaka (2009)

TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI

> RM6,000



Profil Ikon

HAFIZUL BIN RADI

Pengurus Syarikat

HSR MAJU TRADING

ILP Kota Bharu (2015)

TEKNOLOGI ELEKTRIK

> RM10,000



Profil Ikon

HAIRIEY BIN ABDUL RAHMAN

Instrumen Technician

**MAJU INTERGRATED
ENGINEER SDN. BHD.**

**ILP Pasir Gudang (2012)
ADTEC Kemaman (2015)**

TEKNOLOGI INSTRUMENTASI

> RM10,000



Profil Ikon

**HEDWIG NOBERT
HERMAN MICHEAL**

**Senoir Architecture
Draughtman**

**PETAREKA PERUNDING (S)
SDN. BHD.**

ILP Kuala Langat (2015)

TEKNOLOGI CADD SENIBINA

> RM5,000



Profil Ikon

**NU'AIMAN MUSTAQIM
BIN MAZLAN**

Pengurus Syarikat

AIMAN ELECTRICAL ENGINEERING

ILP AP Nibong Tebal (2013)

TEKNOLOGI ELEKTRIK

> RM5,000





No. : PW 1114935

2013

SURU
AKTA BE
PERAKUAN KEKO

MOHD AZRAN

910912086795

dan didapati memiliki
yang dibuat di bawah A
awai ini dikeluarkan ke
ain.

Beliau berasal dari Simpang Ampat, Pulau Pinang telah mendaftar di Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal pada Januari 2010 iaitu pada sesi 1/2010 dalam Kursus Juruelektrik PW2 dan tamat pengajian pada Disember 2011. Sepanjang 3 tahun pengajian di Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal, beliau menunjukkan prestasi cemerlang dan aktif dalam kegiatan sukan dan juga aktiviti kerohanian. Beliau juga mempunyai ciri kepimpinan yang baik. Beliau pernah menerima Anugerah Graduan Terbaik ILJTM pada Majlis Konvokesyen ILJTM 2012. Kini, beliau bertugas di Indonesia sebagai Penyelia (Beam Launcher Supervisor) di bawah naungan BBE Solutions Sdn Bhd yang beroperasi di Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur



Profil Ikon

**MOHD AZRAN BIN
IZHAN SOLEHAN**

Assistant Engineer

BBE SOLUTION SDN. BHD.

ILP AP Nibong Tebal (2012)

TEKNOLOGI ELEKTRIL

> RM6,000

Profil Ikon

SHARI BIN MAPPIASI

Board Operator

GRANITE SERVICES
INTERNATIONAL, Inc.

ILP Kota Kinabalu (2002)

TEKNOLOGI ELEKTRONIK
INDUSTRI

> RM5,000



Profil Ikon

SATHISWARAN A/L MUNIANDY


Process Engineer

HITTECH WEMAR

ILP Kangar (2015)
ADTEC Shah Alam (2016)

TEKNOLOGI PEMBUATAN

> RM5,000



Profil Ikon

AZMY BIN MOHD YUSSOF

Wireline Operator Specialist

BAKER HUGES GE

ILP Labuan (2000)

TEKNOLOGI MEKANIK INDUSTRI

> RM5,000

THE FIRST FULLSTREAM COMPANY

#WeAreBHGE



Profil Ikon

MOHAMAD YAZID BIN AFFANDI

Pengarah Syarikat

F&H ENTERPRISE

ILP Miri (2012)

TEKNOLOGI PEMASANGAN PAIP
MINYAK & GAS

> RM5,000



Profil Ikon

**AZLINA FIRZAH HANIM
BINTI MD ARIS**

Service Advisor

**G-MART AUTO WORLD SDN. BHD.
(HONDA SERVICE CENTRE)**

ILP Mersing(2012)

TEKNOLOGI AUTOMOTIF

> RM5,000



Profil Ikon

**MUHAMAD SUFIAN
BIN SUHAME**

CNC Machinist

**AMERIX METAL MACHINING
TECHNOLOGY SDN. BHD.**

ILP Pedas (2012)

TEKNOLOGI PEMESINAN CNC

> RM5,000



